



Keberkesanan Program PLKK Dari Perspektif Pengurusan Program, Tenaga Pengajar dan Pelatih: Satu Kajian Kes

Halif Md Saleh¹, Ramlee Mustapha² Zamani Ibrahim³

¹Jabatan Penyelidikan dan Inovasi Profesionalisme Keguruan,
Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Hussein Onn, Batu Pahat, Johor

²Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional,
Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim Perak

³Jabatan Penyelidikan dan Inovasi Profesionalisme Keguruan,
Institut Pendidikan Guru Kampus Tengku Ampuan Afzan, Kuala Lipis

Article Info

Received:
14 September 2019

Accepted:
25 September 2019

Publish
01 September 2020

e-ISSN 2682-759X

Abstract

This was a quantitative study using program evaluation method that aimed at evaluating the input, output, outcome and impact of the Skill Training and Career Program (PLKK). Questionnaires, interview protocol and the observation checklist were the instruments that have been used to collect the data. The respondents for PLKK, included 48 managers, 214 trainees and 40 trainers. For the interview, three respondents from each category have been selected that included the Orang Asli leaders. The total number of the respondents interviewed was 12. In general, the key finding from the questionnaires revealed that the respondents agreed that they were able to efficiently manage the input, the output and the outcome aspects. Based on the qualitative data, this study identified several suggestions such as soft skills training and entrepreneurship and business courses should be offered to the PLKK trainees. This study also found that in order to improve non-formal education for Orang Asli adults, the curriculum aspect, teaching process, and teaching and learning methods are among the critical factors to ensure the effectiveness of the program.

Keywords: Program evaluation, Skill Training and Career Program (PLKK), Orang Asli

Pendahuluan

Pendidikan mesti dilihat sebagai satu proses pembelajaran yang berlaku dalam sepanjang hayat kehidupan manusia dan ia adalah proses bagi mendapatkan ilmu pengetahuan, kefahaman dan kemahiran (Maznah & Carter, 2000; Mohd Azhar et al., 2004), mencapai kejayaan dalam hidup (Harrison & English, 2003) serta satu proses pembangunan insan secara menyeluruh, seimbang dan bersepadu (Mok, 1992; Choong, 2008) untuk membina kesedaran dan nilai insaniah manusia (Adanan et al., 2009). Pembelajaran sepanjang hayat boleh berlaku dalam tiga bentuk iaitu ia dilaksanakan samada secara formal, informal dan non formal (Coombs, Prosser & Ahmed, 1973; Nor Azizah, 1991; Sufean, 1996; Merriam & Caffarella, 1999 dan Mustofa, 2013). Pendidikan formal merujuk kepada sistem pendidikan yang mempunyai struktur dan hieraki yang jelas bermula dari sekolah rendah hinggalah ke peringkat universiti (Coombs & Ahmed, 1974) menekankan pendidikan umum, penguasaan akademik melalui kurikulum yang rigid dan suasana pembelajaran yang formal (Sufean, 1996), manakala pendidikan informal berlaku secara semula jadi, spontan dan tidak disedari (Mazanah & Carter, 2000) seperti interaksi dengan ibu bapa dan rakan-rakan, mendengar

radio, menonton televisyen dan membaca surat khabar (Sufean, 1996). Pendidikan non formal pula merujuk kepada segala bentuk aktiviti pendidikan yang tersusun dan sistematik untuk sesuatu golongan berdasarkan keperluan dan aspirasi mereka (Sufean, 1996) contohnya program perkembangan pertanian untuk petani, program mengenal huruf untuk orang dewasa, latihan kemahiran pekerjaan untuk belia, pelbagai program masyarakat termasuk pembelajaran berkaitan kesihatan, pemakanan, perancangan keluarga, koperasi dan lain-lain (Coombs & Ahmed, 1974). Dalam konteks pembelajaran sepanjang hayat, pendidikan orang dewasa adalah dianggap sangat penting (Ruud & Preece, 2005) di mana di dalam persidangan antarabangsa berkaitan pendidikan dewasa yang berlangsung pada 25 Julai sehingga 7 Ogos 1972 telah mencadangkan kepada UNESCO (1972) untuk membangunkan pendidikan dewasa:

“...explore the possibility of preparing, as soon as possible...a recommendation to member state concerning the development of adult education...” (1972: 44)

Di Malaysia, pendidikan dewasa merujuk kepada peluang yang diberi kepada semua orang dewasa untuk mendapatkan pendidikan di luar dari sistem persekolahan formal atau dengan kata lain pendidikan non formal (Mazanah et al. 2001; Abd Razaq et al., 2007). Menurut Sufean (1996) objektif utama pendidikan non formal orang dewasa di Malaysia pada tahun 1960-an adalah bagi membasmi buta huruf dalam kalangan orang dewasa, khususnya mereka yang tinggal di luar bandar. Ia kemudiannya dipelbagaikan dalam bentuk-bentuk program yang lain seperti pendidikan kesihatan, kekeluargaan, sivik, pendidikan politik, ideologi dan agama serta yang berkaitan dengan ekonomi seperti latihan pekerjaan dan penjana pendapatan melalui pendidikan pertanian (Sufean, 1996; Maznah et al., 2001; Norzaini et al., 2006). Norzaini Azman et al. (2006) pula menyatakan tujuan pendidikan dewasa di Malaysia adalah untuk (1) menyediakan orang dewasa untuk kemahiran pekerjaan melalui pendidikan vokasional, (2) mengalakkan pembinaan bangsa dalam masyarakat berbilang kaum melalui pendidikan kewarganegaraan, (3) memberikan peluang pendidikan kedua bagi orang dewasa meneruskan pembelajaran mereka melalui pendidikan jarak jauh dan (4) memberikan peluang peningkatan sendiri terutama warga tua bagi mereka melibatkan diri di dalam program-program komuniti. Mazanah et al. (2001) dalam bukunya *‘Adults and Continuing Education In Malaysia’* menyatakan pendidikan non formal orang dewasa memainkan peranan yang sangat penting dalam pembinaan negara. Ini selari dengan hasrat kerajaan Malaysia yang mahukan pembangunan modal insan yang holistik (Kerajaan Malaysia, 2006).

Walaupun pendidikan non formal orang dewasa di Malaysia dikatakan telah bermula sejak daripada zaman kesultanan Melayu Melaka lagi (Siti Hawa, 1997; A. Samad, 2013) yang kemudiannya dilaksanakan sebelum zaman penjajahan British (Choong, 2008) dan semasa zaman penjajahan British dan Jepun (Yusof, 1977; Maznah et al., 2001) peluang pendidikan tersebut tidak merata kepada semua etnik dan bangsa. Salah satu etnik yang terpinggir dalam pembangunan pendidikan non formal berkaitan orang dewasa adalah Orang Asli. Pendidikan kepada masyarakat Orang Asli pada awalnya hanya menumpukan kepada pendidikan kanak-kanak Orang Asli sahaja iaitu pendidikan rendah dengan tertubuhnya sekolah-sekolah rendah Orang Asli di zaman penjajahan British (Juli Edo, 2012; Zainal, 2012) dan di bawah kelolaan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli dan Kementerian Pelajaran Malaysia kemudiannya (Hassan, 1998; Juli Edo, 2012; Zainal, 2012). Hanya pada tahun 2003 melalui Pelan Lima Tahun atau dikenali sebagai Pelan Tindakan Pendidikan (2003-2007) yang memfokuskan kepada pembangunan pendidikan Orang Asli, kerajaan telah mula menunjukkan kesungguhan untuk membantu kemajuan pendidikan Orang Asli dewasa (Zainal, 2008).

Pendidikan Orang Asli Dewasa

Mulai 2008 secara rasmi kerajaan Malaysia melalui Kementerian Pelajaran Malaysia telah memulakan Program Kelas Dewasa Asli Penan (KEDAP KPM) yang bertujuan untuk memberi pendidikan literasi kepada ibubapa pelajar Orang Asli (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2008). Di samping itu, di bawah inisiatif Jabatan Kemajuan Orang Asli, pendidikan dewasa

Orang Asli telah diperluaskan lagi dengan terlaksananya dua program pendidikan Orang Asli dewasa iaitu Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK) yang telah dimulakan mulai 2009 dan Program Kelas Dewasa Orang Asli Peribumi (KEDAP JAKOA) bermula pada tahun 2013 (JAKOA, 2013a; JAKOA, 2013b). Bagi Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK) ia memfokuskan kepada Orang Asli dewasa untuk memperolehi pelbagai kemahiran yang kemudiannya memberi mereka peluang pekerjaan berdasarkan kemahiran yang diperolehi manakala bagi Program Kelas Dewasa Asli Peribumi ia memfokuskan kepada kemahiran literasi dan numerasi kepada Orang Asli dewasa.

Berdasarkan kajian kepustakaan, sebelum ini terdapat penganjuran kursus-kursus yang memberi kemahiran kepada belia dan Orang Asli dewasa seperti Kursus Asas Tukang Kayu, Kursus Asas Rotan, Kursus Asas Perubatan untuk belia dan beliawanis Orang Asli (JHEOA, 1985), program latihan kraftangan, perkhidmatan pengembangan pertanian (khidmat nasihat) dan kegiatan koperasi (Razali Tumirin, 1986). Walau bagaimanapun ia kurang mendapat penyertaan Orang Asli dewasa dan di antara sebabnya adalah kerana Orang Asli pada masa itu menilai sesuatu program yang dianjurkan berdasarkan ganjaran yang boleh diperolehi mereka dari JHEOA, pengaruh kehidupan dan alam sekitar mereka, lambat menerima pembaharuan dan perubahan yang dibawa dan kegagalan pihak JHEOA sendiri untuk menentukan kehendak-kehendak berkaitan pendidikan non formal Orang Asli (Razali Tumirin, 1986).

Berdasarkan kajian terhadap dokumen-dokumen berkaitan Orang Asli di Malaysia pula, terdapat penganjuran program-program berkaitan pemberian pengetahuan dan maklumat kepada Orang Asli dewasa tetapi pengisiannya kadangkala secara *ad hoc*, tidak berterusan dan sistematik (Suhaila, 2010). Dari sudut sejarah, semasa kemerdekaan terdapat lima puluh Ketua Orang Asli di bawa untuk melihat pengisytiharan kemerdekaan dan pada masa yang sama diberi kursus sivik berkaitan pengertian kemerdekaan (JHEOA, 2009a). Program Pendidikan Kesejahteraan Keluarga (PKK) dan Pendidikan Literasi Fungsian yang telah memberikan faedah kepada 1,274 Orang Asli dewasa melalui Pusat Pengerak Wanita Orang Asli yang melibatkan ibu dan kanak-kanak berumur 3-5 tahun telah diwujudkan mulai 1998 (JHEOA, 2001b). Ia bertujuan untuk menyedarkan wanita orang asli dengan memberi pendedahan dan pemahaman kepada golongan wanita tentang pentingnya celik huruf. Program ini telah diwujudkan di 26 buah kampung berkembar yang berjiran dengan kampung Melayu dan 17 Rancangan Pengumpulan Semula (RPS) di seluruh Malaysia (JHEOA, 1998). Selain daripada itu Kursus Motivasi dan Keusahawanan (JHEOA, 1992), Kursus Kepimpinan Belia, Kursus Bimbingan dan Kerjaya bagi lepasan pelajar Sijil Rendah Pelajaran dan Sijil Pelajaran Malaysia, kursus sivik untuk Ketua Orang Asli, Kursus Cetusan Minda (Pembangunan Minda, Pembangunan Minda Insan) dan program sosial yang lain (JHEOA, 2009b; JHEOA, 2010a) turut juga dilaksanakan. Walaubagaimana pun program yang dilaksanakan lebih kepada memberi kesedaran berkaitan sikap, gaya hidup, cara berfikir dan peranan mereka di dalam komuniti (JHEOA, 2010a).

Penyataan Masalah

Walaupun peruntukan yang diberikan kepada pendidikan Orang Asli dewasa agak tinggi (Zainal, 2012; JAKOA, 2013b), dapatan oleh Zainal (2012) sendiri menyatakan bahawa matlamat Pelan Tindakan Pembangunan Pendidikan Masyarakat Orang Asli (PTPPMOA) yang telah digariskan dan dilaksanakan bermula daripada tahun 2001 sehingga 2010 belum tercapai sepenuhnya. Ini diakui melalui kajian oleh Siti Nor dan Juli Edo (2003) yang juga mendapati program pembangunan ekonomi dan sosial yang dilaksanakan oleh kerajaan masih belum berjaya mencapai matlamat sepenuhnya untuk membangunkan masyarakat Orang Asli. Menurut mereka, dari sudut pembangunan sosial yang melibatkan pemberian pendidikan misalnya mendapati ketiadaan pendidikan dan tahap pencapaian pendidikan yang rendah akan melambatkan lagi proses bagi memajukan masyarakat Orang Asli. Ini jugalah yang dinyatakan oleh Ma'arof (2010) bahawa bagi membawa komuniti Orang Asli kepada kemajuan ia sebenarnya memerlukan pembangunan yang berpusatkan kepada

pembangunan manusia dan bukan pembangunan yang berpusatkan material. Pendapat Ma'arof dipersetujui oleh Mohd Amim (2004) dengan menyatakan bahawa sesebuah masyarakat itu hanya boleh berubah dari mundur kepada kemajuan apabila mereka mengambil kira kepentingan peranan ilmu dan pendidikan di dalam masyarakat mereka. Atas justifikasi tersebut serta kajian mendalam berkaitan program-program pendidikan non formal Orang Asli dewasa yang belum dilaksanakan secara komprehensif, satu kajian perlu dilaksanakan bagi melihat keberkesanan pelaksanaan program-program pembelajaran non formal atau pendidikan dewasa Orang Asli sedia ada. Terdapat tiga program pembelajaran non formal Orang Asli dewasa yang kini didapati sedang dilaksanakan secara konsisten oleh pihak JAKOA bersama agensi kerajaan lainnya serta institusi latihan kemahiran swasta iaitu Kelas Dewasa Asli Penan (KEDAP anjuran Kementerian Pelajaran Malaysia), Kelas Dewasa Asli Peribumi (KEDAP anjuran Jabatan Kemajuan Orang Asli) dan Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK). Bagaimanapun dalam artikel ini, hanya Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK) sahaja yang akan dibincangkan.

Matlamat Kajian

Matlamat kajian ini adalah untuk membuat penilaian terhadap aspek *input*, *output*, *outcome* dan kesan program pembelajaran non formal Orang Asli dewasa iaitu bagi Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK) berdasarkan Model Logik oleh Barkman dan Matchmes (2002), Powell et al. (2003, 2008), Kellogg Foundations (2004), Fitzpatrick (2004), Angela (2008) dan McCawley (2013).

Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk:

1. Menilai keberkesanan aspek *input* Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK) dari perspektif pengurusan JAKOA dan Institusi Latihan Swasta yang terlibat di dalam pelaksanaan Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK)
2. Menilai keberkesanan aspek *output* Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK) dari perspektif pengurusan, tenaga pengajar dan pelatih yang terlibat di dalam pelaksanaan Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK)
3. Menilai keberkesanan aspek *outcome* Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK) dari perspektif pengurusan, tenaga pengajar dan pelatih yang terlibat di dalam pelaksanaan Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK)

Hipotesis Kajian

Hipotesis kajian ini dinyatakan dalam bentuk hipotesis nul mengikut persoalan kajian. Hipotesis nul digunakan bagi menentukan perbezaan persepsi mengenai pelaksanaan dan hasil pelaksanaan program pengajaran dan pembelajaran KEDAP KPM, KEDAP JAKOA dan PLKK. Hipotesis nul juga digunakan bagi mengenal pasti pengaruh pembolehubah-pembolehubah yang berkaitan. Hipotesis nul bagi kajian ini disenaraikan seperti berikut:


H₀₁ Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara persepsi pengurusan, tenaga pengajar dan pelatih terhadap aspek *output* program latihan PLKK

H₀₂ Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara persepsi pengurusan, tenaga pengajar dan pelatih terhadap aspek *outcome* dari pespektif pengurusan, tenaga pengajar dan pelatih program latihan PLKK

H₀₃ Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara aspek *input* dan *output* dengan aspek *outcome* program latihan PLKK

H₀₄ Perancangan, kurikulum, latihan guru dan tenaga pengajar, kemudahan, sebaran, sumber kewangan, proses pengajaran, kaedah pengajaran berpusatkan pelatih, pengurusan pengajaran dan kaedah pembelajaran berpusatkan pelatih bukan faktor penentu kepada aspek kepada aspek *outcome* program latihan PLKK.

KERANGKA KONSEPTUAL KAJIAN



Rajah 1: Kerangka Konseptual Kajian Pembelajaran Non Formal Orang Asli Dewasa di Malaysia

(Adaptasi daripada Model Logik oleh Barkman, 2000; Powell et al., 2003; Fitzpatrick, 2004; Kellogg Foundations, 2004; Angela, 2008; Athabasca University, 2011 dan McCawley, 2013)

Kepentingan Kajian

Kajian ini sangat penting kerana kajian berkaitan pembelajaran dan pendidikan dewasa Orang Asli belum luas diteroka khususnya di Malaysia. Ia juga diharap akan dapat membantu agensi terpenting kepada pembangunan Orang Asli iaitu Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah dalam merangka bentuk program-program berkaitan pendidikan kemahiran di kalangan Orang Asli dewasa. Kajian ini juga akan memberikan maklumat yang sangat penting kepada agensi-agensi selain Jabatan Kemajuan Orang Asli Malaysia seperti pusat-pusat latihan kemahiran swasta dalam membantu membangunkan program-program berkaitan latihan kemahiran kepada belia Orang Asli. Ia juga diharap akan dapat memberikan satu asas kukuh kepada latihan kemahiran Orang Asli dewasa dengan menggunakannya sebagai rujukan bagi pembentukan dasar-dasar atau polisi pendidikan dan latihan kemahiran seperti pewujudan program-program yang berkaitan latihan kemahiran kepada Orang Asli dewasa pada masa akan datang.

Batasan Kajian

Kajian ini dilakukan di seluruh Malaysia yang hanya melibatkan Jabatan Kemajuan Orang Asli dan institusi-institusi latihan swasta yang mengendalikan Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK). Kajian ini juga hanya melibatkan mereka yang terlibat secara langsung di dalam pengurusan dan pelaksanaan program PLKK iaitu tenaga pengurusan program, pelatih program dan tenaga pengajar serta kepimpinan komuniti Orang Asli.

Metodologi Kajian

Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian yang digunakan di dalam kajian ini adalah kaedah kajian penilaian (Blaikie, 2010; Vincent & Denis, 2010; Mok, 2009; Babbie, 2008; Royse et al., 2006; Ahmad Mahdzan, 2005; Mohamad Najib, 1999; Weiss, 1998) berorientasikan pencapaian objektif menggunakan Model Logik (Kellogg Foundation, 2004) yang telah diadaptasi semula. Kaedah penilaian program adalah bertujuan untuk mengumpul dan menganalisis data sesuatu program yang dilaksanakan bagi menentukan sama ada sesuatu tujuan dan objektif program yang telah ditetapkan telah tercapai atau pun tidak (Gay, 1992).

Populasi dan Sampel Kajian

Populasi dan sampel kajian adalah terdiri daripada kelompok pengurusan PLKK, tenaga pengajar PLKK dan pelatih belia Orang Asli PLKK.

Instrumen Kajian

Instrumen kajian yang akan digunakan dalam kajian ini berbentuk soal selidik bagi memperolehi data. Ramai penulis dalam bidang kajian mengusulkan penggunaan instrumen soal selidik terutamanya dalam konteks reka bentuk kajian jenis diskriptif seperti Mertler dan Charles (2005), Mertens (2005), Wiersma (2000), Mohd Najib Ghafar (1998), Ahmad Mahdzan Ayob (1997) Cohen dan Manion (1994) dan Slavin (1992). Terdapat tiga set instrumen soal selidik yang dibina untuk kajian ini.

Kajian Rintis

Bagi mengesahkan isi kandungan dan kebolehpercayaan soal selidik, kajian rintis telah dilaksanakan bagi melihat tahap kebolehpercayaan setiap item di dalam soal selidik. Hasil dari kajian rintis yang dijalankan mendapati hampir semua soalan yang dijawab oleh kesemua responden menunjukkan kebolehpercayaan yang tinggi dengan mencatatkan *Alpha Croanbach* di antara 0.732 sehingga 0.947.

Keputusan Kajian

Dapatan kajian yang diperolehi daripada soal selidik telah dianalisa dengan menggunakan *perisian SPSS 19.0* bagi mendapatkan frekuensi, peratus, min dan sisihan piawai.

Persoalan Kajian 1:

Sejauhmanakah keberkesanan aspek *input* Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK) dari perspektif pengurusan JAKOA dan Institusi Latihan Swasta yang terlibat di dalam pelaksanaan Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK)

Berdasarkan Jadual 1, enam aspek *input* program PLKK yang dikaji adalah terdiri daripada perancangan dan pelaksanaan, kurikulum, latihan guru, sebaran maklumat, sumber kewangan dan perbelanjaan serta kemudahan yang disediakan. Dari Jadual 1 juga, kajian mendapati kesemua nilai skor min bagi *input* Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK) menunjukkan nilai skor min sangat setuju dan setuju (min=4.11; SP=0.38). Bagi aspek latihan tenaga pengajar dan sumber kewangan dan perbelanjaan, ianya menunjukkan masing-masing (min=4.22; SP=0.56) dan (min=4.32; SP=0.54) manakala aspek perancangan dan pelaksanaan (min=4.09; SP=0.47), kurikulum (min=4.07; SP=0.44), sebaran maklumat (min=3.85; SP=0.56) dan kemudahan yang disediakan adalah (min=4.11; SP=0.67). Ini menunjukkan bahawa berdasarkan perspektif pihak pengurusan program PLKK, mereka bersetuju menyatakan bahawa secara keseluruhannya kesemua aspek *input* program PLKK iaitu perancangan dan pelaksanaan, kurikulum, latihan tenaga pengajar, sebaran maklumat, sumber kewangan dan perbelanjaan dan kemudahan yang disediakan telah dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Jadual 1

Skor min input program PLKK

Konstruk	Pengurusan PLKK (n=48)		
	Skor min	Sisihan Piawai	Interpretasi skor min
Perancangan dan Pelaksanaan	4.09	0.47	setuju
Kurikulum	4.07	0.44	setuju
Latihan Tenaga Pengajar	4.22	0.56	sangat setuju
Sebaran Maklumat	3.85	0.56	setuju
Sumber Kewangan dan Perbelanjaan	4.32	0.54	sangat setuju
Kemudahan Yang Disediakan	4.11	0.67	setuju
Jumlah	4.11	0.38	setuju

Persoalan Kajian 2:

Sejauhmanakah keberkesanan aspek *output* Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK) dari perspektif pengurusan, tenaga pengajar dan pelatih yang terlibat di dalam pelaksanaan Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK)

Berdasarkan Jadual 2, aspek *output* Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK) adalah terdiri daripada pengurusan pengajaran, kemudahan, proses pengajaran tenaga pengajar, kaedah pengajaran berpusatkan pelajar dan kaedah pembelajaran berpusatkan pelajar. Berdasarkan Jadual 3 juga, kajian mendapati dari perspektif pengurusan (min=4.21; SP=0.40), pelatih (min=3.99; SP=0.47) dan tenaga pengajar (min=4.13; SP=0.37), ketiga-tiga mereka bersetuju bahawa secara keseluruhannya pelaksanaan program PLKK dari aspek *output* telah dilaksanakan dengan berkesan.

Jadual 2

Skor min output program PLKK

Konstruk	Pengurusan PLKK (n=48)			Pelatih PLKK (n=214)			Tenaga Pengajar PLKK (n=40)		
	Skor min	Sisihan Piawai	Interpretasi skor min	Skor min	Sisihan Piawai	Interpretasi skor min	Skor min	Sisihan Piawai	Interpretasi skor min
Proses Pengajaran	4.10	0.42	setuju	3.82	0.44	setuju	4.10	0.37	setuju
Pengurusan Pengajaran	4.45	0.53	setuju	3.96	0.56	setuju	4.23	0.45	sangat setuju
Kemudahan	4.11	0.67	setuju	3.94	0.69	setuju	4.07	0.70	setuju
Kaedah Pengajaran Berpusatkan Pelatih	4.21	0.60	sangat setuju	4.13	0.59	setuju	4.16	0.63	setuju
Kaedah Pembelajaran Berpusatkan Pelatih	4.20	0.46	setuju	4.08	0.51	setuju	4.16	0.47	setuju
Jumlah	4.21	0.40	setuju	3.99	0.47	setuju	4.13	0.37	setuju

Persoalan Kajian 3:

Sejauhmanakah keberkesanan aspek *outcome* Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK) dari perspektif pengurusan, tenaga pengajar dan pelatih yang terlibat di dalam pelaksanaan Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK)

Bagi persoalan kajian ketiga pula berkaitan *outcome* program, aspek *outcome* program terdiri daripada proses penilaian pembelajaran dan hasil pembelajaran. Berdasarkan Jadual 3, dari perspektif pengurusan, pelatih dan tenaga pengajar Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK) menunjukkan bahawa mereka bersetuju (pengurusan: min=4.07; SP=0.42, pelatih: min=3.91; SP=0.47 dan tenaga pengajar PLKK: min=4.26; SP=0.33) menyatakan kesemua aspek *outcome* iaitu proses penilaian bagi program PLKK telah dilaksanakan dengan berkesan dan hasil pembelajaran PLKK telah berjaya mencapai matlamat program PLKK.

Jadual 3

Skor min outcome program PLKK

Konstruk	Pengurusan PLKK (n=48)			Pelatih PLKK (n=214)			Tenaga Pengajar PLKK (n=40)		
	Skor min	Sisihan Piawai	Interpretasi skor min	Skor min	Sisihan Piawai	Interpretasi skor min	Skor min	Sisihan Piawai	Interpretasi skor min
Proses Penilaian Pembelajaran	4.13	0.48	setuju	4.05	0.61	setuju	4.25	0.39	setuju
Hasil Pembelajaran	4.00	0.44	setuju	3.78	0.58	setuju	4.26	0.37	setuju
Jumlah	4.07	0.42	setuju	3.91	0.47	setuju	4.26	0.33	setuju

Keputusan Hipotesis:

H₀₁ Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara persepsi pengurusan, pelatih dan tenaga pengajar terhadap aspek *output* program latihan PLKK

Berdasarkan analisa Ujian *Anova* Sehalah di dalam Jadual 4 menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara persepsi pengurusan, tenaga pengajar dan pelatih program PLKK terhadap aspek *output* program. Ini ditunjukkan oleh nilai $F(2, 299) = 1.72, p > .05$ bahawa ianya adalah tidak signifikan dan dengan itu hipotesis nul diterima. Ini menunjukkan bahawa persepsi ketiga-tiga kumpulan responden tersebut terhadap aspek *output* program seperti proses pengajaran, pengurusan pengajaran, kaedah pengajaran, kaedah pembelajaran dan kemudahan yang disediakan adalah sama.

Jadual 4

Ujian ANOVA sehalah aspek output program PLKK

	Jumlah Kuasa Dua	df	Min Kuasa Dua	F	Signifikan (p)
Antara Kumpulan	.742	2	.371	1.725	.180
Dalam Kumpulan	64.294	299	.215		
Jumlah	65.036	301			

(*) Signifikan pada paras $p < 0.05$

H₀₂ Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara persepsi pengurusan, pelatih dan tenaga pengajar terhadap aspek *outcome* program latihan PLKK

Berdasarkan analisa Ujian *Anova* Sehalah di dalam Jadual 5 menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan di antara persepsi pengurusan, tenaga pengajar dan pelatih program PLKK terhadap aspek *outcome* program. Ini ditunjukkan oleh nilai $F(2, 299) = 4.52, p < .05$ bahawa ianya adalah signifikan dan dengan itu hipotesis nul ditolak. Ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan persepsi di antara ketiga-tiga responden pengurusan, tenaga pengajar dan pelatih terhadap aspek *outcome* program iaitu proses penilaian dan hasil pembelajaran program.

Jadual 5

Ujian ANOVA sehalah aspek outcome program PLKK

	Jumlah Kuasa Dua	df	Min Kuasa Dua	F	Signifikan (p)
Antara Kumpulan	1.823	2	.912	4.523	.012*
Dalam Kumpulan	60.258	299	.202		
Jumlah	62.082	301			

(*) Signifikan pada paras $p < 0.05$

Bagi Ujian *Pos Hoc* pula (lihat Jadual 6) kajian mendapati terdapatnya perbezaan yang signifikan di antara pengurusan dan pelatih daripada aspek *outcome* program PLKK

Jadual 6

Ujian pos hoc aspek outcome Program PLKK

Pembolehkan Bebas	(I) Status	(J) Status	Perbezaan Min (I-J)	Ralat Piawai	Sig.
Outcome	Pengurusan	Tenaga Pengajar	.04452	.09611	.889
		Pelatih	.18918*	.07170	.024
	Tenaga Pengajar	Pengurusan	-.04452	.09611	.889
		Pelatih	.14466	.07733	.149
	Pelatih	Pengurusan	-.18918*	.07170	.024
		Tenaga Pengajar	-.14466	.07733	.149

H₀₃ Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara aspek *input* dan *output* dengan aspek *outcome* dari perspektif penurusan, pelatih dan tenaga pengajar program PLKK

Jadual 6 menunjukkan analisa korelasi *Pearson product-moment* bagi aspek *input* dengan *outcome* program PLKK dari persepsi pengurusan. Hasil analisa menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan di antara aspek *input* dengan aspek *outcome* berdasarkan nilai $p < 0.01$. Bagi aspek kurikulum, nilai ($r = .86, p = 0.00$), perancangan dan pelaksanaan, nilai ($r = .79, p = 0.00$), kemudahan ($r = .69, p = 0.00$), latihan tenaga pengajar, nilai ($r = .51, p = 0.00$), sumber kewangan, nilai ($r = .47, p = 0.00$) dan sebaran maklumat, nilai ($r = .37, p = 0.00$). Ini menunjukkan bahawa terdapat hubungan positif yang kuat di antara aspek kurikulum dan perancangan dan pelaksanaan dengan *outcome* program. Manakala bagi aspek kemudahan dan latihan tenaga pengajar wujud hubungan positif yang sederhana dengan *outcome* program. Bagi aspek sumber kewangan dan sebaran maklumat pula terdapat hubungan positif yang lemah di antara *input* dengan *outcome*. Oleh itu bagi aspek kurikulum, perancangan dan pelaksanaan, kemudahan, latihan guru, sumber kewangan dan sebaran maklumat hipotesis nul adalah ditolak.

Jadual 7 menunjukkan analisa korelasi *pearson product-moment* di antara aspek *output* dengan *outcome* program berdasarkan persepsi pengurusan. Hasil analisa menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan di antara aspek *output* dengan aspek *outcome* berdasarkan nilai $p < 0.01$. Bagi aspek proses pengajaran, nilai ($r = .85, p = 0.00$), kaedah pembelajaran pelatih, nilai ($r = .75, p = 0.00$), kaedah pengajaran tenaga pengajar, nilai ($r = .74, p = 0.00$) dan pengurusan pengajaran, nilai ($r = .15, p = 0.29$). Didapati bagi aspek proses pengajaran, kaedah pembelajaran pelatih dan kaedah pengajaran tenaga pengajar, terdapat hubungan positif yang kuat dengan *outcome*. Dengan itu hipotesis nul ditolak. Bagi aspek pengurusan pengajaran pula ianya menunjukkan hubungan positif yang sangat lemah dan dengan itu hipotesis nul diterima.

Jadual 6

Ujian korelasi *pearson product-moment* bagi pengurusan program PLKK dari aspek *input* dengan *outcome*

		Perancang n	Kurikulu m	Latihan n Guru	Kemudahan n	Sebaran	Kewangan
Outcome	Korelasi Pearson	.786**	.864**	.507**	.668**	.365**	.466**
	Sig. (2-tailed)	.000	.000	.000	.000	.000	.000

n	48	48	48	48	48	48
---	----	----	----	----	----	----

(**) Signifikan pada paras $p < 0.01$

Jadual 7

Ujian korelasi pearson product-moment bagi pengurusan program PLKK dari aspek output dengan outcome

		Proses	Pengurusan	Kaedah Pengajaran	Kaedah Pembelajaran
Outcome	Korelasi Pearson	.851**	.155	.741**	.752**
	Sig. (2-tailed)	.000	.291	.000	.000
	n	48	48	48	48

(**) Signifikan pada paras $p < 0.01$

Jadual 8 menunjukkan analisa korelasi *pearson product-moment* di antara aspek *output* dengan *outcome* program berdasarkan persepsi pelatih program PLKK. Hasil analisa menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan di antara aspek *output* dengan aspek *outcome* berdasarkan nilai $p < 0.01$. Bagi aspek kaedah pengajaran tenaga pengajar, nilai ($r = .65, p = 0.00$), proses pengajaran tenaga pengajar, nilai ($r = .62, p = 0.00$), kaedah pembelajaran pelatih, nilai ($r = .58, p = 0.00$), kemudahan, nilai ($r = 0.53, p = 0.00$) dan pengurusan pengajaran nilai ($r = .54, p = 0.00$). Didapati bagi aspek proses pengajaran tenaga pengajar, kaedah pengajaran tenaga pengajar, kaedah pembelajaran pelatih, pengurusan pengajaran dan kemudahan terdapat hubungan positif yang sederhana dengan *outcome* program. Dengan itu hipotesis nul ditolak.

Jadual 8

Ujian korelasi pearson product-moment bagi pelatih program PLKK dari aspek output dengan outcome

		Pengurusan	Kemudaha n	Proses	Kaedah Pengajaran	Kaedah Pembelajaran
Outcome	Korelasi Pearson	.549**	.534**	.623**	.647**	.583**
	Sig. (2-tailed)	.000	.000	.000	.000	.000
	N	214	214	214	214	214

(**) Signifikan pada paras $p < 0.01$

Jadual 9 adalah hasil analisa korelasi *pearson product-moment* di antara aspek *output* dengan *outcome* program berdasarkan persepsi tenaga pengajar PLKK. Hasil analisa menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan di antara aspek *output* dengan aspek *outcome* berdasarkan nilai $p < 0.01$. Bagi aspek pengetahuan guru, nilai ($r = .51, p = 0.00$), kemahiran guru, nilai ($r = .53, p = 0.00$) dan amalan guru, nilai ($r = .52, p = 0.00$). Ini menunjukkan terdapat hubungan positif yang sederhana di antara pengetahuan, kemahiran dan amalan tenaga pengajar dengan *outcome*. Dengan itu hipotesis nul adalah ditolak.

Jadual 9

Ujian korelasi pearson product-moment bagi tenaga pengajar program PLKK dari aspek output dengan outcome

		Pengetahuan	Kemahiran	Amalan
Outcome	Korelasi Pearson	.510**	.530**	.517**
	Sig. (2-tailed)	.000	.000	.000
	n	40	40	40

(**) Signifikan pada paras $p < 0.01$

Jadual 10 pula menunjukkan analisa korelasi *pearson product-moment* di antara aspek *output* dengan *outcome* program berdasarkan persepsi tenaga pengajar dari aspek kurikulum, proses pengajaran tenaga pengajar, pengurusan pengajaran, kaedah pengajaran tenaga pengajar dan kaedah pembelajaran pelatih. Hasil analisa menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan di antara aspek *output* dengan aspek *outcome* berdasarkan nilai $p < 0.01$. Bagi aspek kurikulum, nilai ($r = .85, p = 0.00$), proses pengajaran guru, nilai ($r = .84, p = 0.00$), kaedah pengajaran tenaga pengajar, nilai ($r = .73, p = 0.00$), kaedah pembelajaran pelatih, nilai ($r = .72, p = 0.00$), kemudahan, nilai ($r = 0.69, p = 0.00$) dan pengurusan pengajaran nilai ($r = .10, p = 0.51$). Didapati bagi aspek kurikulum, proses pengajaran tenaga pengajar, kaedah pengajaran tenaga pengajar dan kaedah pembelajaran pelatih terdapat hubungan positif yang kuat dengan *outcome* manakala bagi aspek kemudahan terdapat hubungan positif yang sederhana dengan *outcome* program. Dengan itu hipotesis nul adalah ditolak. Bagi aspek pengurusan pengajaran hubungannya adalah sangat lemah dan dengan itu hipotesis nul diterima.

Jadual 10

Ujian korelasi *pearson product-moment* bagi tenaga pengajar program PLKK dari aspek *output* dengan *outcome*

		Pengurusan	Kemudaha n	Kurikulu m	Proses	Kaedah Pengajara n	Kaedah Pembelajara n
<i>Outcom e</i>	Korelasi Pearson	.105	.688*	.853**	.837**	.726**	.723**
	Sig. (2- tailed)	.517	.000	.000	.000	.000	.000
	n	40	40	40	40	40	40

(**) Signifikan pada paras $p < 0.01$

H₀₄ Perancangan, kurikulum, latihan guru dan tenaga pengajar, kemudahan, sebaran, sumber kewangan, proses pengajaran, kaedah pengajaran berpusatkan pelatih, pengurusan pengajaran dan kaedah pembelajaran berpusatkan pelatih bukan faktor penentu kepada aspek kepada aspek *outcome* program pembelajaran PLKK.

Berdasarkan Jadual 11 analisa regresi menunjukkan bahawa nilai korelasi ialah 0.864 di antara pemboleh ubah peramal kurikulum, sebanyak 74.6% ($R^2 = 0.746$). Nilai korelasi 0.903 di antara pemboleh ubah kriteria dan kombinasi antara kurikulum dengan kaedah pembelajaran, iaitu perubahan sebanyak 81.5%. Nilai korelasi ialah 0.916 di antara pemboleh ubah kriteria dan kombinasi linear antara tiga pemboleh ubah iaitu kurikulum, kaedah pembelajaran dan kemudahan; Kombinasi linear tiga pemboleh ubah peramal yang terdiri daripada kurikulum, kaedah pembelajaran dan kemudahan telah menyumbang perubahan sebanyak 83.9%.

Jadual 11

Ringkasan model dari perspektif pengurusan PLKK

Model	R	R Square	Adjusted R Square	Std. Error of the Estimate
1	.864 ^a	.746	.740	.21783
2	.903 ^b	.815	.807	.18777
3	.916 ^c	.839	.828	.17718

a. Predictors: (Constant), Kurikulum

b. Predictors: (Constant), Kurikulum, Kaedah pembelajaran

c. Predictors: (Constant), Kurikulum, Kaedah pembelajaran, Kemudahan

d. Dependent Variable: *Outcome*

Keputusan nilai-F ($3,44 = 2.402$, $p < .05$) dalam Jadual 12 menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan di antara ketiga-tiga pemboleh ubah peramal tersebut dengan pemboleh ubah kriterium, iaitu 83.9 % sumbangan ketiga-tiga aspek kurikulum, kaedah pembelajaran pelatih dan kemudahan yang disediakan. Keadaan ini jelas menunjukkan bahawa aspek kurikulum adalah faktor besar yang selain daripada faktor kaedah pembelajaran dan kemudahan yang mempengaruhi peningkatan di dalam *outcome* program daripada perspektif pengurusan.

Jadual 12

Analisa varians outcome program PLKK

Model		Sum of Squares	df	Mean Square	F	Sig.
1	Regression	6.404	1	6.404	134.966	.000 ^a
	Residual	2.183	46	.047		
	Total	8.587	47			
2	Regression	7.001	2	3.500	99.275	.000 ^b
	Residual	1.587	45	.035		
	Total	8.587	47			
3	Regression	7.206	3	2.402	76.515	.000 ^c
	Residual	1.381	44	.031		
	Total	8.587	47			

a. Predictors: (Constant), Kurikulum

b. Predictors: (Constant), Kurikulum, Kaedah pembelajaran

c. Predictors: (Constant), Kurikulum, Kaedah pembelajaran, Kemudahan

d. Dependent Variable: *Outcome*

Jadual 13 menunjukkan nilai pekali regresi bagi tiga pemboleh ubah peramal dalam bentuk kombinasi linear. Nilai B mewakili pekali regresi piawai bagi ketiga-tiga pemboleh ubah peramal tersebut dalam bentuk kombinasi linear. Manakala nilai-t menunjukkan keputusan yang signifikan pada $p < .05$. Secara umumnya sumbangan tiga pemboleh ubah bebas terhadap *outcome* adalah;

$$Y = .206 + .542X_1 + .271X_2 + .123X_3$$

Iaitu;

Y = *Outcome*X₁ = KurikulumX₂ = Kaedah pembelajaran berpusatkan pelatihX₃ = Kemudahan

Pemalar (constant) = 0.206

Ralat piawai = 0.262

Merujuk kepada persamaan regresi di atas bermakna hipotesis nul ditolak kecuali bagi aspek perancangan dan pelaksanaan, latihan guru, sebaran maklumat, sumber kewangan dan perbelanjaan, proses pengajaran guru, kaedah pengajaran berpusatkan pelajar dan pengurusan pengajaran. Analisa regresi kaedah *step wise* mendapati hanya tiga pemboleh ubah peramal/bebas mempunyai korelasi dan menyumbang kepada pemboleh ubah *outcome* pembelajaran pelatih program PLKK.

Jadual 13

Analisa berganda (stepwise) bagi pembolehubah input dan output terhadap outcome program PLKK

Model	Unstandardized Coefficients		Standardized Coefficients	t	Sig.
	B	Std. Error	Beta		
3 (Constant)	.206	.262		.785	.437
Kurikulum	.542	.081	.566	6.715	.000
Kaedah pembelajaran	.271	.074	.293	3.639	.001
Kemudahan	.123	.048	.194	2.558	.014

a. Dependent Variable: *Outcome*

Kesimpulan

Secara keseluruhan, berdasarkan nilai skor min yang berada pada tahap yang tinggi bagi sebahagian besar aspek yang dikaji, didapati pelaksanaan program PLKK telah dilaksanakan dengan berkesan. Kesemua responden kajian yang terdiri daripada pengurusan program, tenaga pengajar serta pelatih Program latihan kemahiran dan Kerjaya (PLKK) telah memberikan respon yang positif berkaitan proses perancangan dan pelaksanaan program tersebut.

Bibliografi

- A. Samad Ahmad (2013) *Sulatus Salatin Sejarah Melayu*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Razaq Ahmad, Norhasni Zainal Abidin, Norzaini Azman, Ramlee Mustapha, Rahim Md Sail, Zakaria Kasa dan Ismi Ariff Ismail (2007) *Non Formal Training Among Adults In Rural Malaysia*. *Journal of Adult & Continuing Education*: Volume 13(2) 116-126
- Adanan Mat Junoh, Saziana Mohd Amran dan Jamallail Danial (2009) *Pembelajaran Tidak Formal Di kalangan Masyarakat Melayu*. *Jurnal Amalan Latihan dan Pembangunan Sumber Manusia di Malaysia*. (113-131)
- Angela, M. C. (2008) *Intergrating Program Process And Outcome: A Program Evaluation Using The Logic Model Framework*. Tesis PhD yang tidak diterbitkan. USA: The State University of New Jersey.
- Barkman, S.J. (2000). *Utilizing the Logic Model for Program Design and Evaluation*. Purdue: West Lafayette, IN.

- Choong Lean Keow (2008), *Falsafah dan Pendidikan di Malaysia*, Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Chua Yan Piaw (2008) *Kaedah dan Statistik Penyelidikan: Buku 3 Asas Statistik Penyelidikan*. McGraw Hill (Malaysia) dn. Bhd. Kuala Lumpur
- Chua Yan Piaw (2012) *Kaedah dan Statistik Penyelidikan: Buku 2 Asas Statistik Penyelidikan*. McGraw Hill (Malaysia) dn. Bhd. Kuala Lumpur.
- Coombs, P.H., Prosser, R.C. & Ahmed, M. (1973) *New Path to Learning for Children and Youth*. New York. International Council for Educational Development.
- Coombs, P.H. & Ahmed, M. (1974) *Attacking Rural Poverty: How NFE Can Help*. Baltimore: John Hopkins University Press
- Fitzpatrick J.L., Sandes, J. R. & Worthern, B. R. (2004) *Program Evaluation – Alternative Approaches and Practical Guidelines*. (3rd ed). Boston: Allyn and Bacon
- Harrison, R. & English, S. (2003) *Ways of Learning, Ways of Knowing, Investigating of The Informal Within Discourses of Lifelong Learning* dalam Osborne, M., & Gallacher, J., (Editor), *Proceeding of Researching Widening Access-International Perspectives Conference*. Glasgow: Centre For Research of Lifelong Learning.
- Hasan Mat Nor (1998) *Warga Pribumi Menghadapi Cabaran Pembangunan* (edt). Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia
- Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (1985) *Nong Pai*. Kuala Lumpur. JHEOA
- Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (1992) *Nong Pai Haluan Baru*. Kuala Lumpur. JHEOA
- Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (1998) *Nong Pai Haluan Baru*. Kuala Lumpur. JHEOA.
- Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (2001b) *Koleksi Kertas Kerja Majlis Penasihat Kebangsaan Pembangunan Masyarakat Orang Asli (MPKPMOA)*.Kuala Lumpur. JHEOA.
- Jabatan Hal Ehwal Orang Asli Malaysia, (2009a), *Orang Asli 1954 – 2009*. Kuala Lumpur: JHEOA.
- Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (2009b) *Laporan Tahunan JHEOA 2009*. Kuala Lumpur: JHEOA.
- Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (2010a) *Laporan Tahunan JHEOA 2010*. Kuala Lumpur: JHEOA.
- Jabatan Kemajuan Orang Asli (2013a) *Kertas Projek Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya Masyarakat Orang Asli Tahun 2013*. Kuala Lumpur: JAKOA.
- Jabatan Kemajuan Orang Asli (2013b) *Laporan Bahagian Pembangunan Minda JAKOA*. Kuala Lumpur
- Juli Edo (2012) *Pendidikan Orang Asli: Harapan dan Peluang dalam Ramlee Abdullah, Mohamad*

- Hafis Amat Simin, Azlina Abdullah dan Zurina Mansor (2012) *Pendidikan dan Orang Asli Dalam Arus Perdana*. Kuala Terengganu: Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin
- Kellogg, W. K. (2004). *Logic Model Guide*. Diakses pada 19.1. 2013 dari <http://www.wkkf.org>.
- Kementerian Pelajaran Malaysia (2008) *Kurikulum Kelas Dewasa Asli Penan*. Putrajaya
- Kerajaan Malaysia (2006) *Rancangan Malaysia Ke Sembilan 2006-2010*. Putrajaya: Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri.
- Ma'rof Redzuan (2010) *Pembangunan dan Kemunduran Komuniti Peribumi: Kes Kemiskinan Dalam Komuniti Orang Asli Dalam Laily Paim & Sharifah Azizah Haron (2010) Kemiskinan di Malaysia: Isu Fundamental & Paparan Realiti*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia
- Mazanah Muhamad & Carter, G.L. (2000) *Prinsip Pembelajaran Orang Dewasa*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors.
- Mazanah Muhamad & Associates (2001), *Adult and Continuing Education in Malaysia*, Selangor: UNESCO & Universiti Putra Malaysia Press.
- McCawley, P. F. (2013) *The Logic Model for Program Planning and Evaluation*. United States of America: University of Idaho
- Merriam, S.B., & Caffarella, R.S. (1999) *Learning in Adulthood. A Comprehensive Guide*. 2nd ed. San Francisco: Jossey Bass.
- Mohd Amim Othman (2004) *Pendidikan dan Pembangunan Modal Insan dalam Mohd Amim Othman dan Nurizan Yahaya (2004) Golongan Berpendapatan Rendah: Realiti dan Cabaran*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Mohd Azhar Abd Hamid, Paimah Atom, Muhamed Fauzi Othman dan Mohd Nasir Markom (2004), *Andragogi: Mengajar Orang Dewasa Belajar*, Pahang: PTS Publications and Distributors Sdn. Bhd.
- Mohamad Hussin Mohd Yusof (2006) *Penilaian Terhadap Perancangan dan Pelaksanaan Program Pembelajaran Konteksual di Sekolah-sekolah Menengah Teknik Di Malaysia*. Tesis Phd yang tidak diterbitkan. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia
- Mok, S. S. (1992) *Pendidikan Di Malaysia*. Selangor: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Mustofa Kamil (2013) *Andragogi*. Diakses pada 15.5.2013 dari http://file.upi.edu/Direktori/FIP/JUR. PEND. LUAR SEKOLAH/196111091987031001-MUSTOFA_KAMIL/Andragogi.pdf
- Nor Azizah Mohd. Salleh (1991) *Kajian Aktiviti-Aktiviti Pendidikan Dewasa di Malaysia*. Selangor: Pembangunan Sumber Manusia. Universiti Kebangsaan Malaysia
- Norzaini Azman, Ramlee Mustapha & Abdul Razak Ahmad (2006) *Computer Literacy and Civic*

Development in Malaysia: A Case Study of KEMAS. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Powell, E.T., Jones, L. & Henert, E. (2003) *Enhancing Program Performance with Logic Models*. Madison: University of Wisconsin

Powell, E.T. & Henert, E. (2008) *Developing A Logic Models: Teaching And Training Guide*. University of Wisconsin. Diakses pada 16.4.2014 dari <http://www.uwex.edu/ces/pdande>

Razali Tumirin (1986) *Pendidikan Tak Formal Sebagai Strategi Komunikasi Pembangunan: Penyertaan Orang Asli Di Rancangan Pengumpulan Semula Batau, Pahang Darul Makmur*. Latihan Ilmiah yang tidak diterbitkan. Bangi. Universiti Kebangsaan Malaysia

Ruud, V.D. & Preece, J., (2005) *Poverty Reduction and Adult Educations: Beyond Basic Educations International Journal of life Long Educations* 24(5) (381-391)

Siti Hawa Salleh (1997) *Kesusasteraan Melayu Abad Ke Sembilan Belas*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Sufean Hussin (1996) *Pendidikan di Malaysia. Sejarah Sistem dan Falsafah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Suhaila Abd Latiff @ Setra (2010) *Potensi Keusahawanan Di Kalangan Orang Asli*. Prosiding PERKEM V. Jilid 2. 80-87

Technology Enhanced Knowledge Research Institute, Athabasca University (2011) *Open Education Resources (OER) for Assessment and Credit for Student Project: Towards a Logic Model and Plan for Action*. Canada: Athabasca University.

UNESCO (1972) *Final Report: The Third Conference of Adult Education*. Tokyo, Japan: UNESCO.

Yusuf Junid (1977) *Adult Education dalam F.H.K Wong (editor) Reading In Malaysian Education*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Zainal Abidin Hj. Ali (2008) *Peranan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) Dalam Pembangunan Masyarakat Orang Asli*. Dalam Maarof Redzuan & Sarjit S.Gill (editor) (2008) *Orang Asli: Isu, Transformasi dan Cabaran*. Selangor: Penerbit Universiti Putra Malaysia.

Zainal Abidin Hj. Ali (2012) *Penilaian Terhadap Pelan Tindakan Pembangunan Pendidikan Orang Asli 2000-2010 dalam Ramlee Abdullah, Mohamad Hafis Amat Simin, Azlina Abdullah dan Zurina Mansor (2012) Pendidikan dan Orang Asli Dalam Arus Perdana*. Kuala Terengganu: Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin